

1. Lengkapkan maksud haji dan umrah serta hukum di bawah.

Perkara	Haji	Umrah
Bahasa	_____	_____
Istilah	_____ Baitullah al-Haram pada bulan-bulan haji/ untuk mengerjakan _____ menurut syarat-syaratnya.	Mengunjungi Baitullah al-Haram pada _____ /untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut _____.
Hukum	_____	_____


2. Lengkapkan syarat wajib haji berikut.

Syarat wajib haji	Islam : tidak wajib kepada _____.
	_____ : cukup umur dan tidak wajib bagi kanak-kanak.
	Berakal : _____ dan tidak wajib bagi orang gila.
	_____ : tidak wajib kepada hamba
	Berkemampuan: mampu dari segi _____, kewangan dan _____.


3. Lengkapkan rukun haji dan umrah berikut.

Rukun	Huraian
Niat	berniat mengerjakan haji atau umrah
_____	Berada di Padang Arafah walaupun seketika/ bermula dari masuk waktu Zuhur _____ hingga sebelum masuk waktu Subuh 10 Zulhijjah.
Tawaf	mengelilingi Kaabah 7 pusingan / bermula di penjuru Hajarul Aswad dan berakhir di sudut yang sama menurut _____.
Saie	Berjalan ulang-alik sebanyak 7 kali / bermula di _____ dan berakhir di _____ menurut syarat-syarat tertentu.
Bercukur	Bergunting sekurang-kurangnya _____ rambut.
Tertib	Melakukan perbuatan ikut _____.

4. Lengkapkan rajah di bawah.



5. Nyatakan tempat miqat bagi penduduk luar Mekah bagi no 2, 3 dan 5.



6. Senaraikan perkara larangan ihram dalam rajah di bawah.

Larangan ihram berkaitan dengan kecantikan	Larangan ihram berkaitan dengan pakaian
i. _____	Khusus untuk lelaki sahaja
ii. _____	i. _____
	ii. _____
	Khusus untuk perempuan sahaja
	i. _____


7. Jelaskan perbezaan perkara sunat haji dan umrah.

Perkara Sunat Haji	Perkara Sunat Umrah
Mengutip _____ di Muzdalifah pada 9 Zulhijjah untuk melontar Jamrah Kubra	_____


8. Lengkapkan perbandingan haji dan umrah di bawah.

Perkara	Haji	Umrah
Persamaan	• Niat	
	• _____	
	• _____	
	• Bercukur	
Perbezaan	• Dilakukan pada bulan haji sahaja	• _____
	• Wajib wukuf	• Tiada wukuf
	• Melontar _____	• _____

9. Lengkapkan jenis-jenis haji berikut.



10. Berikut merupakan kaifiat pelaksanaan haji tamattu'. Lengkapkan carta alir di bawah.



11. Bilakah ibadah haji disyariatkan? [1 markah]

12. Senaraikan **dua** ciri berkemampuan dalam syarat sah haji. [2 markah]

13. Apakah maksud tahallul awal? [2 markah]

14. Senaraikan **tiga** perkara wajib haji. [3 markah]

15. Senaraikan **tiga** amalan sunat haji dan umrah. [3 markah]

16. Terangkan **dua** hikmah haji dan umrah. [4 markah]

17. Berikan hukum dan alasan bagi masalah berikut: [4 markah]

- i. Ahmad telah memakai pakaian berjahit sebaik sahaja selesai melontar dan bercukur di Mina.

Hukum : _____

Alasan : _____

- ii. Umar berwukuf di Padang Arafah pada 8 Zulhijjah selepas gelincir matahari.

Hukum : _____

Alasan : _____

Ibadah haji dapat mengeratkan ukhuwah sesama umat Islam

18. Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

KBAT
